



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 29 DISEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERSIAPAN BEKALAN DAGING RAMADAN, AIDILFITRI 2026 SUDAH BERMULA, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	BEKALAN DAGING MENCUKUPI MENJELANG RAMADAN, AIDILFITRI, NEGARA, KOSMO, M/S – 7	
3.	HARVESTING IDEAS FOR OUR NATIONAL FRUIT, MUKA HADAPAN, THE STAR, M/S – 1	
4.	ENOUGH BEEF SUPPLY FOR RAYA, NATION, THE STAR, M/S – 4	
5.	DURIAN BUKIT DIGEMARI PELANCONG KE CAMERON HIGHLAND, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 8	LAIN-LAIN
6.	PRICES OF MANDARINS TO STAY STABLE, NATION, THE STAR, M/S – 9	
7.	TEKNOLOGI, KOS: CABARAN PETANI KECIL CAPAI 'FOOD SECURITY', KELANTAN, HAKAKAH, M/S – 12	
8.	SELAMATKAN BERAS PUTIH TEMPATAN, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 14	
9.	CENDAWAN BUSUT REZEKI HUJUNG TAHUN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 21	
10.	OTHER LOCAL FRUITS WANT IN TOO, NATION, THE STAR, M/S – 6	
11.	DURIAN STILL IN THE HEARTS OF MANY, NATION, THE STAR, M/S – 6	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/12/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

Persiapan bekalan daging Ramadan, Aidilfitri 2026 sudah bermula

FOTO: FACEBOOK MOHAMAD SABU

KUALA LUMPUR - Penternak tempatan telah mula membuat persiapan bekalan daging bagi menghadapi bulan Ramadan serta sambutan Aidilfitri pada tahun hadapan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, bekalan daging negara sepanjang tempoh tiga tahun kebelakangan ini sentiasa mencukupi untuk keperluan rakyat termasuk ketika permintaan meningkat semasa musim perayaan seperti Aidilfitri

dan Aidiladha.

Beliau berkata, umat Islam dijangka menyambut Ramadan pada bulan Februari manakala Aidilfitri pada penghujung Mac 2026.

"Persiapan bekalan daging sudah pun dimulakan dari sekarang oleh penternak tempatan.

"Dengan perancangan awal, kerjasama penternak dan sokongan dasar yang betul, bekalan daging untuk rakyat tahun hadapan juga akan terus terjamin," katanya menerusi hantaran di Facebook beliau pada Ahad. - *Bernama*



Mohamad (tiga dari kanan) memaklumkan bekalan daging negara sepanjang tempoh tiga tahun kebelakangan ini sentiasa mencukupi.

TARIKH	NEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/12/2025	KOSMO	NEGARA	7



BEKALAN daging di negara ini dijamin mencukupi bagi memenuhi permintaan tinggi ketika Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri tahun depan. – FACEBOOK MOHAMAD SABU

Bekalan daging mencukupi menjelang Ramadan, Aidilfitri

PETALING JAYA – Bekalan daging negara dijangka terus mencukupi bagi memenuhi keperluan rakyat termasuk ketika permintaan tinggi sempena Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri serta Aidiladha tahun hadapan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sepanjang tempoh tiga tahun kebelakangan ini, bekalan daging negara dalam keadaan stabil dan mencukupi.

Menurut beliau, umat Islam dijangka menyambut Ramadan pada Februari 2026, diikuti Hari Raya Aidilfitri pada penghujung Mac 2026 dan persiapan awal bagi memastikan bekalan daging yang mencukupi telah pun dimulakan oleh penternak tempatan.

“Persiapan bekalan daging sudah pun dimulakan dari sekarang oleh penternak-penternak tempatan.

“Dengan perancangan awal, kerjasama penternak dan sokongan dasar yang betul, bekalan

daging untuk rakyat tahun hadapan juga akan terus terjamin,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial semalam.

Terdahulu, Mohamad berkata, beliau bersyukur dalam tempoh tiga tahun ini, bekalan daging negara sentiasa mencukupi untuk kegunaan rakyat termasuk ketika permintaan memuncak pada musim perayaan.

“Insya-Allah, keperluan asas rakyat akan kita dijaga dan keselamatan makanan negara akan terus dipelihara,” katanya.

Harvesting ideas for our national fruit

Which fruit best represents Malaysia? So far, the Agriculture and Food Security Ministry has received proposals to name either the durian or pineapple as the national fruit. But farmers and the man-in-the-street have their own ideas, too.
> See reports on pages 3 and 6
by KHOO GEK SAN

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

29/12/2025

THE STAR

FRONT PAGE

1

Photo: FAIHAN GHANI/The Star

Enough beef supply for Raya

Mohamad: Preparations have been made by local breeders



KUALA LUMPUR: Local livestock breeders have begun preparing beef supplies in anticipation of Ramadan and Hari Raya Aidilfitri next year, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (*pic*).

The country's beef supply has remained sufficient over the past three years to meet public needs, including during peak demand periods such as Aidilfitri and Aidiladha, he said in a Facebook post yesterday, reported Bernama.

"Muslims are expected to observe Ramadan in February next year, with Aidilfitri falling at the end of March 2026.

Preparations for beef supply have already been initiated by local breeders.

"With early planning, cooperation from breeders and the right policy support, meat supplies for the people next year will continue to be assured," he said.

Meanwhile, wholesaler and retail chain Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Ameer Ali Mydin said all Mydin outlets have made advance preparations in line with the retailer's usual practice ahead of festive seasons.

"We booked our beef stocks about two months ago to ensure they are ready in time for Hari

Raya Aidilfitri sales. We usually import halal beef from India.

"I'm sure other players in the industry would have done the same," he said when contacted.

Beef trader Amini Ahmad from Gombak, who has been in the business for five years, said demand typically rises ahead of Aidilfitri as customers prepare traditional dishes such as rendang.

"A cow usually generates about RM5,000 in sales, but the profit is only around RM1,000 after deducting workers' wages and other costs," he said, adding that he expects demand to increase next year.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/12/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Durian bukit digemari pelancong ke Cameron Highlands

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulia.com.my

IPOH: Durian bukit di kampung Orang Asli di Pos Atap, Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands di sini, mendapat sambutan luar biasa apabila mampu dijual sehingga 300 kilogram sehari semasa musim cuti sekolah.

Seorang remaja perempuan Orang Asli yang hanya mahu dikenali sebagai Rohadiniwatie, 14, berkata, durian bukit di kawasan kampungnya mula luruh sejak minggu lalu dan jumlahnya semakin bertambah sehingga menarik ramai pelanggan singgah di pondok jualan tepi jalan.

Katanya, pelanggan datang silih berganti, terdiri daripada pelbagai kaum termasuk Melayu, Cina dan India, selain pelancong luar negara yang dalam perjalanan untuk bercuti di Cameron Highlands.

"Sejak cuti sekolah, ayah dapat mengumpulkan antara 200 hingga 300 kilogram durian bukit setiap hari untuk dijual sama ada kepada pelanggan terus atau pemborong luar yang



ROHADINIWATIE menunjukkan durian bukit yang dijual di gerai tepi Jalan Simpang Pulai ke Cameron Highlands. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

datang ke Kampung Pos Atap," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Rohadiniwatie berkata, proses mengutip durian bukan mudah kerana bapanya perlu berjalan kaki meredah bukit licin sejauh dua hingga tiga kilometer dengan masa perjalanan antara tiga hingga empat jam.

"Jika hujan, bapa terpaksa bermalam di dalam hutan. Per-

nah juga berlaku kejadian pokok tumbang selain terserempak dengan haiwan liar seperti beruang matahari dan harimau kumbang ketika mengutip durian," katanya.

Menurutnya, selain durian, dia turut menjual hasil hutan lain seperti rebung buluh dan madu lebah yang kini banyak diperoleh dan dijual kepada pelancong.

Prices of mandarins to stay stable

Fruit production strong, supply assured for CNY

BY ALLISON LAI
and TARRENCE TAN
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: A good harvest in key producing areas is expected to keep mandarin orange supply steady and prices stable for Chinese New Year in February, say industry leaders.

They said this is despite shipment delays that affected earlier arrivals for the Winter Solstice celebrations.

Kuala Lumpur Fruits Wholesalers Association president Chin Nyuk Moi said production, particularly for lokam, is strong and should support an ample supply for the festive period.

"This year is considered a good harvest, especially for Yongchun lokam.

"Supply should be sufficient and prices are unlikely to rise as volumes are large," she said in an interview.

Chin said traders have placed orders for about 1,500 containers

of lokam, noting that supply for February is not a concern.

She acknowledged that earlier shipments were delayed by port congestion following a typhoon in China, but said attention has now shifted to ensuring smoother arrivals for the upcoming Chinese New Year shipments.

"We hope there will be no similar congestion for the next round of shipments," she said.

Chin said that demand typically picks up closer to the festive period.

"January is the back-to-school season, and corporate purchases usually begin about two weeks before Chinese New Year.

"The market becomes more active towards late January," she added.

Malaysian Vegetable Importers Association chairman Datuk Seri Teh Meng Huat said the market outlook remains difficult to assess due to ongoing logistics and clearance challenges.

He said typhoon-related delays, coupled with Malaysia's increas-

ing reliance on online-based customs clearance systems, have slowed cargo release.

"Clearance is now mostly done through online systems. Importers cannot physically approach officers, so if something is missed, the cargo can get stuck," he said.

While the Customs Department operates 24 hours, he said other inspection agencies, such as health and agriculture departments, would run according to office hours.

"This could cause delays during weekends and public holidays, he said.

Despite this, Teh said supply should not be a major issue as Chinese New Year falls in February, giving importers more time to bring in stock.

On prices, he said the main uncertainty lies in freight costs, which can fluctuate due to global market conditions.

"Shipping rates can change weekly and are beyond our control," he said, adding that sharp



Seasonal favourite:

Stocks of mandarin oranges being arranged at a fruit wholesale market near Pasar Borong Selayang. — AZMAN GHANI/The Star

increases would eventually affect costs.

Teh also called for stronger policy support to protect local farmers and stabilise the agricultural market, warning that inconsistent import volumes could hurt both producers and consumers.

"If the market is stable, everyone knows roughly how much is coming in," he said.

"This prevents oversupply and shortages, and helps keep prices

more consistent for consumers."

At the production end, Malaysian Fruit Farmers Association deputy president Alvin Loh said imports of mandarin oranges from China are expected to remain stable next year, adding that prices will depend on market supply and demand.

"Earlier this year, prices were higher due to lower production and stricter regulations. It won't be the same next year," he said.

Teknologi, kos: Cabaran petani kecil capai 'food security'

KUALA LUMPUR: Usaha memperkukuh keterjaminan makanan negara memerlukan penggunaan teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI), *Internet of Things* (IoT) dan automasi dron, namun kos tinggi menjadi cabaran utama terutama kepada petani kecil.

Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff berkata, walaupun penggunaan teknologi digital semakin meluas, kos penyelenggaraan sensor dan sistem IoT boleh mencecah RM5,000 manakala harga dron sekitar RM10,000 seunit.

Menurutnya, beban kewangan itu menuntut campur tangan kerajaan melalui sokongan penyelenggaraan dan latihan teknikal agar transformasi pertanian dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Beliau membangkitkan perkara itu ketika sesi soal jawab lisan di Dewan Negara, termasuk keperluan latihan penyelenggaraan peralatan moden kepada petani.

Menjawab isu tersebut,



Dr Wan Martina

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu memaklumkan kementerian menyediakan kemudahan peralatan moden secara sewaan melalui agensi berkaitan.

Langkah itu bertujuan memastikan petani kecil turut mendapat akses teknologi tanpa menanggung kos tinggi, sekali gus menyokong agenda *food security* negara.

Selamatkan beras putih tempatan



**AHMAD ZUBIR
IBRAHIM**

TAHAP Sara Diri (Self-Sufficiency Level, SSL) beras negara dilaporkan berada di bawah 60 peratus merupakan satu petunjuk yang membimbangkan dan tidak boleh dipandang ringan. Kenyataan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, bahawa kedudukan ini “tidak berapa baik dan perlu ditangani segera” wajar dijadikan isyarat jelas bahawa sektor makanan ruji negara sedang berdepan cabaran struktur yang serius. Beras bukan sekadar komoditi ekonomi, malah merupakan makanan asas majoriti rakyat Malaysia serta elemen strategik dalam keselamatan negara.

Kemerosotan SSL beras berpunca daripada gabungan beberapa faktor utama. Antaranya ialah penyusutan kawasan sawah padi akibat penukaran guna tanah kepada projek perumahan dan perusahaan, perubahan iklim yang semakin ketara seperti banjir dan cuaca tidak menentu, serta cabaran pasaran yang menyaksikan sambutan terhadap beras putih tempatan kekal rendah. Kesemua faktor ini saling berkait dan jika tidak ditangani secara menyeluruh, berisiko menjerumuskan negara kepada tahap ketergantungan import yang lebih tinggi.

Penukaran kawasan sawah padi kepada pembangunan bukan pertanian merupakan antara punca paling kritikal. Dalam konteks urbanisasi pesat dan peningkatan nilai hartanah, tanah sawah sering dianggap tidak ekonomik berbanding pembangunan perumahan atau komersial. Akibatnya, kawasan pengeluaran padi semakin mengecil, khususnya di luar jelapang utama. Trend ini menjejaskan kapasiti pengeluaran domestik dalam jangka panjang dan melemahkan asas keterjaminan makanan negara. Lebih membimbangkan, proses ini sering berlaku tanpa perancangan guna tanah yang mengambil kira kepentingan keselamatan makanan nasional.

Dalam masa yang sama, perubahan iklim menambah



MASALAH Tahap Sara Diri (SSL) beras bukan semata-mata isu pengeluaran, tetapi turut melibatkan tingkah laku pengguna dan struktur pasaran.

tekanan terhadap sektor padi. Banjir luar jangka, hujan lebat berpanjangan, serta musim kering yang tidak menentu menjejaskan kitaran tanaman, merosakkan infrastruktur pengairan, dan meningkatkan risiko kegagalan tuaian. Pesawah kecil khususnya terdedah kepada kerugian pendapatan, sekali gus mengurangkan minat generasi muda untuk kekal dalam sektor pertanian padi. Tanpa pelaburan serius dalam adaptasi iklim dan teknologi pertanian pintar, pengeluaran padi tempatan akan terus terdedah kepada ketidakpastian alam sekitar.

Mohamad Sabu turut menjelaskan bahawa permintaan terhadap beras putih tempatan masih rendah hanya sekitar 10 hingga 15 peratus sahaja. Realiti ini menunjukkan bahawa masalah SSL bukan semata-mata isu pengeluaran, tetapi turut melibatkan tingkah laku pengguna dan struktur pasaran. Penurunan harga beras import menyebabkan pengguna memilih beras yang lebih murah, walaupun beras tempatan menawarkan jaminan kualiti dan menyokong pendapatan pesawah tempatan. Keadaan ini menimbulkan dilema dasar antara menjaga kebajikan pengguna dan memastikan kelangsungan pengeluaran domestik.

Sekiranya SSL beras terus merosot, implikasinya

terhadap negara adalah besar dan berlapis. Dari sudut ekonomi, ketergantungan tinggi kepada import mendedahkan Malaysia kepada risiko turun naik harga global, gangguan rantaian bekalan, serta ketidakpastian geopolitik. Krisis makanan global, sekatan eksport oleh negara pengeluar, atau konflik antarabangsa boleh menyebabkan bekalan beras terganggu dan harga melonjak mendadak. Dalam keadaan ini, golongan berpendapatan rendah akan menjadi golongan yang paling terkesan.

Dari sudut sosial pula, kemerosotan SSL boleh meningkatkan ketidaksamarataan dan tekanan kos sara hidup, khususnya di kawasan bandar dan luar bandar miskin. Beras sebagai makanan ruji yang murah dan mudah diakses berfungsi sebagai “penampung sosial”. Apabila harga meningkat atau bekalan terhad, kestabilan sosial turut terancam. Dalam jangka panjang, kegagalan menjamin bekalan makanan asas boleh menjejaskan keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan mengurus keperluan asas negara.

Oleh itu, intervensi dasar yang menyeluruh dan bersepadu amat diperlukan. Pertama, perlindungan kawasan sawah padi strategik mesti diperkukuh melalui undang-undang

guna tanah yang lebih tegas. Kawasan jelapang padi dan sawah produktif perlu diwartakan sebagai zon keselamatan makanan yang tidak mudah ditukar guna. Insentif fiskal dan pampasan munasabah boleh diberikan kepada pemilik tanah bagi memastikan aktiviti pertanian kekal berdaya maju.

Kedua, pelaburan dalam adaptasi perubahan iklim perlu dipercepat. Ini termasuk menaik taraf sistem pengairan dan saliran, penggunaan varieti padi tahan banjir dan kemarau, serta penerapan teknologi pertanian pintar seperti ramalan cuaca berasaskan data dan mekanisasi moden. Sokongan kewangan dan latihan kepada pesawah kecil amat penting bagi meningkatkan daya tahan mereka terhadap risiko iklim.

Ketiga, isu permintaan terhadap beras putih tempatan perlu ditangani melalui pendekatan pasaran dan kesedaran pengguna. Kempen nasional yang konsisten boleh dilaksanakan bagi meningkatkan keyakinan terhadap kualiti beras putih tempatan, termasuk pelabelan yang jelas, jaminan kualiti, dan strategi penjenamaan yang lebih kompetitif. Dalam masa yang sama, mekanisme harga yang lebih seimbang perlu dirancang supaya beras tempatan kekal mampu milik tanpa menekan pendapatan pesawah.

Selain itu, pembangunan kawasan luar jelapang wajar dijadikan alternatif strategik dalam usaha meningkatkan SSL. Selama ini, tumpuan pengeluaran padi banyak bergantung kepada jelapang utama seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Walaupun kawasan ini penting, ketergantungan berlebihan meningkatkan risiko sistemik apabila berlaku bencana atau gangguan. Pembangunan sawah padi berskala sederhana di luar jelapang, khususnya boleh mempelbagaikan sumber pengeluaran dan meningkatkan daya tahan nasional.

Pembangunan luar jelapang perlu disokong dengan infrastruktur asas, akses pembiayaan, pemindahan teknologi, serta penglibatan koperasi dan sektor swasta. Pendekatan kluster pertanian dan integrasi rantaian nilai boleh membantu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran. Di samping itu, inisiatif ini berpotensi merencanakan ekonomi luar bandar, mengurangkan jurang wilayah dan menarik penyertaan belia dalam sektor pertanian moden.

Kemerosotan SSL beras di bawah 60 peratus bukan sekadar isu pertanian, tetapi cabaran strategik yang menyentuh keselamatan makanan, kestabilan ekonomi dan kesejahteraan sosial negara. Tindakan segera, berani dan berasaskan bukti amat diperlukan bagi membalikkan semula trend ini. Melalui perlindungan tanah pertanian, adaptasi perubahan iklim, pembaharuan pasaran beras, serta pembangunan kawasan luar jelapang, Malaysia masih berpeluang memperkukuh SSL beras dan memastikan keterjaminan makanan untuk generasi kini dan akan datang. Jika langkah-langkah ini dilaksanakan secara konsisten dan bersepadu, Malaysia bukan sahaja mampu meningkatkan SSL beras, malah membina sistem makanan yang lebih berdaya tahan, inklusif dan lestari. Kegagalan bertindak sekarang hanya akan mewariskan risiko yang lebih besar kepada generasi akan datang.

PROFESOR Madya Dr. Ahmad Zubir Ibrahim ialah pensyarah di Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Cendawan busut rezeki hujung tahun

Hasil hutan bermusim, hanya muncul waktu tertentu

Oleh NORMAWATI ADNAN

TANJUNG MALIM - Setiap kali hujung tahun, kawasan ladang kelapa sawit yang redup di sekitar Batang Padang dan Muallim yang sunyi daripada deruan jentera, tiba-tiba menjadi medan rezeki buat penduduk kampung yang arif membaca tanda-tanda alam.

Waktu inilah musim cendawan busut, hasil hutan bermusim yang hanya muncul pada waktu tertentu, sekali gus membawa pendapatan tambahan yang tidak disangka-sangka kepada penduduk.

Pencari cendawan busut, Mohd Saiful Isa, 42, berkata, musim hujung tahun sememangnya dinanti-nantikan kerana pada ketika itu cendawan busut tumbuh dengan banyak.

"Cendawan busut ini bukan tumbuh sepanjang masa. Dia ada musimnya. Selalunya hujung tahun sekitar November dan Disember kemudian diikuti pada Januari dan Februari.

"Kebetulan sekarang memang tengah masa cendawan naik. Dapatlah kami jual, jadi sumber pendapatan tambahan," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di



Cendawan busut kebiasaannya tumbuh di kawasan ladang kelapa sawit yang sejuk.



Bila mula tumbuh, hari pertama saiznya kecil. Kami tak cabut lagi, cuma tanda. Hari kedua baru pilih yang betul-betul sesuai. Hari kelima biasanya kemuncak sebelum ia mula kembang."

kediamannya di Felda Gunung Besout 2 di sini.

Menurutnya, jika bukan pada musim tersebut, usaha mencari cendawan busut boleh diibaratkan seperti mencari jarum dalam jerami.

"Kalau bukan musim, pergilah cari ke mana pun memang susah nak jumpa," ujarnya.

Mohd Saiful berkata, dalam satu musim, mereka mampu mengumpul ratusan kilogram sehari, malah ada hari tertentu hasil kutipan boleh mencecah satu tan apabila pencarian dilakukan di beberapa lokasi ladang.

"Untuk minggu ini, kutipan hari pertama kami dapat sekitar 200 kilogram, diikuti 300 kilogram pada hari kedua dan hari ketiga pula hampir 200 kilogram. Keseluruhan lebih setengah tan, itupun hanya daripada kumpulan kami sahaja," kongsiannya.

Beliau berkata, cendawan busut lazimnya tumbuh di kawasan ladang kelapa sawit yang sejuk dan tanah yang sesuai, selain bergantung sepenuhnya kepada benih semula jadi.

"Bila mula tumbuh, hari pertama saiznya kecil. Kami tak cabut lagi, cuma tanda. Hari kedua baru pilih yang betul-betul sesuai. Hari kelima biasanya kemuncak sebelum ia mula kembang," jelasnya.

Sementara itu, seorang lagi pencari cendawan, Muhamad Hafidz Umar, 35, berkata, cendawan busut boleh dijual antara RM30 hingga RM40 sekilogram, bergantung kepada kualiti dan saiz.

Katanya, permintaan terhadap hasil hutan itu sangat tinggi menyebabkan terdapat peraih dari luar kawasan termasuk dari Selangor dan Kuala Lumpur sudah bersedia menunggu bekalan sebaik sahaja musim bermula.



CENDAWAN BUSUT

- Lazimnya tumbuh di kawasan ladang kelapa sawit yang sejuk dan tanah yang sesuai, selain bergantung sepenuhnya kepada benih semula jadi.
- Tumbuh sekitar November dan Disember kemudian diikuti pada Januari dan Februari.
- Boleh dijual antara RM30 hingga RM40 sekilogram, bergantung kepada kualiti dan saiz.



Permintaan tinggi menyebabkan dalam kalangan peraih luar kawasan termasuk Selangor dan Kuala Lumpur sudah menunggu bekalan cendawan busut sebaik musim bermula.

"Peraih dari luar memang dah tunggu. Banyak mana pun kita dapat, mereka ambil. Paling sikit pun 100 kilogram. Setakat ini tak pernah lagi cendawan tak habis dijual," ceritanya.

Bagi beliau, cendawan busut bukan sekadar tentang hasil jualan, sebaliknya menjadi simbol hubungan manusia dengan alam, di mana kesabaran, pengalaman dan pemerhatian menjadi kunci kepada rezeki hujung tahun yang tidak ternilai.

"Cendawan busut ini senang dimasak. Buat tomyam sedap, sup pun boleh. Ditumis pun sedap. Rasanya semula jadi, boleh ganti ayam atau daging," tambahnya.

Other local fruits want in too

Farmers: Banana, papaya also worthy of national fruit title

PETALING JAYA: When Malaysia chooses its national fruit, it should not be all about durian as everyday favourites such as watermelon, banana, guava and papaya also deserve a slice of the spotlight, says the Federation of Malaysia Fruit Farmers Association.

These everyday fruits, says the association's president Koh Lai Ann, are affordable, widely available and loved by Malaysians of all ages, while also supporting countless small- and medium-scale farmers across the country.

"These are not luxury fruits. They are among the easiest sources of vitamins and form a vital source of income for many farmers," he said.

He added that any discussion about official fruits should not just focus on export stars like durian or pineapple; it must recognise the staples that ordinary households buy regularly.

The association proposes a multi-tier approach, in which export-oriented fruits such as durian, pineapple, jackfruit and papaya could be celebrated for branding and trade, while watermelon, banana, guava and papaya are spotlighted for their role in food security and mass consumption.

Koh said this broader approach

"If ministries, agencies and even private companies consistently serve and buy local fruits, that will do far more for the sector than slogans alone."

Koh Lai Ann

would better reflect the true structure of Malaysia's tropical fruit industry and prevent resources from being channelled to only one or two high-profile crops.

He also urged the government to pair symbolism with action through a "local fruits first" policy, particularly in public institutions such as schools, hospitals, military camps, government canteens, official events and state-linked companies.

"Local fruits are fresher, travel shorter distances and fit our eating habits.

"If ministries, agencies and even private companies consistently serve and buy local fruits, that will do far more for the sector than slogans alone," he said when contacted.

as national identity and cultural significance.

He said durian, especially premium varieties like Musang King, has become a global symbol of Malaysian agriculture.

"Its Geographical Indication status ensures that only durians grown under strict local guidelines, mainly in Pahang and Johor, can be marketed as Musang King, setting Malaysia apart from regional competitors," he said.

In numbers, durian production in 2024 is valued at between RM1.2bil and RM1.5bil, with exports worth approximately RM1.18bil.

Pineapple production is about RM1.3bil, with exports totalling RM1.73bil, including both fresh and processed products such as juice and canned pineapple.

Nasir noted that pineapple currently holds an edge in overall export value due to its wider market reach and strong processed-product base, while durian continues to perform well in high-value markets such as China, driven by demand for premium varieties.

"Pineapple may have a short-term advantage in export value and diversification, but durian's strength lies in its premium positioning and focused regional demand," he added.

Koh stressed that supporting local fruits ultimately advances three national goals – public health, food security and sustainable agriculture – and called for long-term support packages to accompany any future "official fruit" announcement.

Meanwhile, durian and pineapple continue to battle for the spotlight as Malaysia's national fruit, with experts saying the government must weigh economic impact alongside cultural and tourism value.

Prof Datuk Dr Nasir Shamsudin of Putra Business School said the decision should consider production value, contribution to gross domestic product, export performance, per capita consumption, self-sufficiency and Malaysia's comparative advantage, as well

Durian still in the hearts of many

By OON JUN-YANG
newsdesk@thestar.com.my

DESPITE the wide range of fruit

crops grown in the country, Malaysians seem quite clear about their preference for durian to be declared the national fruit.

“ Durian has always been an integral part of our national identity. It represents the fruit of our country and it's known as the best breed compared to others overseas. ”

Kelvin Lim, 35, bank employee



“ Durian of course! You either love it or hate it. There cannot be an in-between. It's proof that the best things in life aren't for everyone. And Musang King is still the king of fruits. ”

Ajinder Kaur, 49, entrepreneur



“ Durian has made its mark in Malaysia. It is well-recognised for its unique taste and aroma. The special hybrids developed over the years in Malaysia are recognised internationally. ”

Loo Kam Weng, 82, retired civil servant



“ Durian! I like durian because it's a seasonal fruit that makes people look forward to it. I love its creamy texture and sweet-bitter taste, especially kampung durian. I absolutely love pulut durian with coconut milk and palm sugar and cekodok durian. ”

Anis Ilyani, 37, freelance writer



“ Durian is a fruit popular in the South-East Asian region. Furthermore, Malaysia has been known to have a variety of breeds unique to the country only. Some argue that pineapple should be the national fruit, but it's found in so many corners of the world. ”

Lim Soon Fook, 67, retired engineer



“ I prefer cempedak. It is sweet, delicious and creamy. It's a fruit like no other. ”

Krisyant Mahendren, 19, student

